

07/02/1997

Kuasa milik persatuan tidak terjejas

Faizal Fadzil

MENTERI Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin, menegaskan Undang-undang Pembangunan Sukan tetap akan dilaksanakan meskipun ada bantahan pelbagai persatuan sukan.

Sambil mengulangi jaminan kuasa milik persatuan sukan tidak akan terjejas dengan pelaksanaan akta berkenaan, Muhyiddin meminta setiap persatuan supaya berusaha memahami setiap pasal yang terkandung dalam akta berkenaan supaya mereka dapat melihat kebaikan yang wujud.

"Kerajaan telah memutuskan akta itu tetap akan diadakan. Tetapi itu tidak bermakna kuasa badan sukan terjejas. Kuasa badan sukan tetap utuh.

"Ia tidak bermakna persatuan tidak perlu undang-undang kerana ada akta itu.

"Persatuan tetap memerlukan perlembagaan yang menetapkan kuasa melantik, mempromosi sukan dan sebagainya.

"Saya memberi jaminan kuasa persatuan sukan tidak terjejas dengan pelaksanaan akta itu," katanya selepas mempengerusikan perbincangan program Rakan Muda membabitkan IPT dan kilang di pejabatnya, di sini hari ini.

Sebelum ini, kebanyakan persatuan sukan termasuk Majlis Olimpik Malaysia (MOM) bimbang dan memberi sambutan dingin terhadap cadangan kewujudan Rang Undang-undang Pembangunan Sukan itu.

Beliau yakin cadangan rang undang-undang akan dapat dikemukakan di Parlimen dalam sesi akan datang.

"Saya akan mengemukakan kertas cadangan itu kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebelum dibentangkan ke Parlimen," katanya.

Menurut Muhyiddin, pertemuan dengan pelbagai pihak yang terbabit untuk mendapatkan maklum balas mengenai rang undang-undang itu akan diadakan selepas Aidilfitri ini.

Beliau juga berharap, persatuan sukan tidak memberi alasan "sudah terlambat" untuk tidak mengemukakan sebarang cadangan mengenai rang undang-undang itu.

"Perkara ini belum muktamad. Saya bersikap terbuka. Saya akan terangkan setiap fasal yang ada dalam kandungan rang undang-undang itu," katanya.

(END)